

13 MAR 2002

Roket-Rusia

KEMUNGKINAN GUNA ROKET UNTUK PADAM KEBAKARAN DI MALAYSIA DIKAJI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 13 Mac (Bernama) - Sebuah syarikat astronautik terkemuka Rusia akan mengkaji kemungkinan menggunakan roket untuk membuat hujan tiruan dan memadam kebakaran terbuka di Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding meminta syarikat Mashinostroyenia, yang telah melancarkan banyak roket dan satelit sejak penubuhannya 50 tahun lepas, membuat kajian itu.

"Sekarang kita menggunakan pesawat untuk membuat hujan tiruan dan kalau boleh kita hendak guna roket," katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, cadangan kemungkinan roket digunakan bagi memadam kebakaran terbuka itu dikemukakan memandangkan masalah yang kini dihadapi Bomba untuk memasuki tempat-tempat tertentu bagi tujuan berkenaan.

Law, yang melawat kilang syarikat itu di sini semalam bagi meninjau keupayaannya, berkata firma itu amat berminat membuat kajian itu.

Menurutnya, cadangan itu dibuat dalam usaha Malaysia meningkatkan kerjasama dengan negara-negara luar itu untuk memajukan teknologi dalam bidang angkasa lepas.

Law berkata Malaysia, yang sedang memajukan bidang bio-teknologi, juga berminat bekerjasama dengan Rusia mengenalpasti projek usahasama dalam bidang berkenaan.

Untuk tujuan itu, satu seminar mengenai kimia bio-organik yang disertai 60 saintis dan pegawai dari kedua-dua negara berlangsung di sini selama tiga hari bermula semalam.

"Minat yang ditunjukkan oleh saintis-saintis Rusia amat tinggi dan ada kemungkinan kita bekerjasama dalam bidang ini," kata Law yang merasmikan seminar itu di Pusat Akademi Sains, Shemyakin-Ovchinnikov Institute of Bio-organic Chemistry di sini.

Menurutnya, Perdana Menteri akan melawat institut itu Jumaat ini untuk menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Akademi Sains Malaysia dan Akademi Sains Rusia.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di ibu negara Rusia ini pukul 8.45 malam ini (1.45 pagi di Malaysia) untuk lawatan tiga hari dalam rangka kunjungan rasmi ke tiga negara termasuk Jerman dan Poland.

Law berkata tujuh bidang yang berpotensi untuk mengadakan kerjasama bio-organik itu ialah tumbuh-tumbuhan, binatang, perubatan, perindustrian, alam sekitar, makanan, bio-farmasi dan biologi molecular.

Beliau berharap ia dapat dijalankan berasaskan program kerjasama bioteknologi antara Malaysia dan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dari Amerika Syarikat.

"Dengan MIT, kita adakan penyelidikan terhadap Tongkat Ali, pegaga dan kelapa sawit dan kita harap kerjasama seumpamanya dapat dibuat dengan institusi Rusia," katanya.

-- BERNAMA

AZZ DC FAZ